



KATA PENGANTAR



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Sejak memperoleh mandat daripada rakyat selepas pilihan raya umum pada Mei 2018, Kerajaan telah berusaha gigih dalam melaksanakan pelbagai pembaharuan institusi bagi memerangi rasuah, melindungi hak kebebasan sivil, meningkatkan kualiti tadbir urus dan memulihkan semula kewangan awam. Pembaharuan institusi ini dilaksanakan bertujuan untuk mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap institusi awam, meningkatkan kualiti hidup rakyat serta memulihkan semula reputasi Malaysia di mata dunia.

Pembaharuan institusi merupakan asas lonjakan ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang yang lebih mampan dan saksama untuk rakyat. Manfaat daripada pertumbuhan ekonomi perlu dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat sekiranya Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah ekonomi maju yang stabil.

Usaha pembaharuan ini telah membuahkan hasil dan menjadikan ekonomi negara lebih berdaya tahan dalam mendepani tekanan luaran khususnya berikutan perang perdagangan yang berlanjutan antara China dengan Amerika Syarikat. Meskipun kelembapan ekonomi global semakin membimbangkan, namun pertumbuhan KDNK Malaysia meningkat kepada 4.9% pada suku kedua 2019 daripada 4.5% pada suku sebelumnya. Pencapaian ini telah meletakkan Malaysia dalam kalangan beberapa negara di dunia yang berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada tahun ini.

Namun demikian, masih banyak yang perlu dilakukan. Kerajaan telah menggubal Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan matlamat yang lebih menyeluruh untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia ke tahap yang lebih selesa menjelang 2030. Terdapat tiga objektif yang perlu dicapai menerusi agenda Kemakmuran Bersama. Pertama, untuk menangani ketaksamaan pendapatan dan kekayaan dalam masyarakat bagi memastikan tiada sesiapa pun yang terpinggir. Kedua, mewujudkan ekonomi bernilai tinggi yang lebih progresif dan melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat. Ketiga, menjadikan Malaysia sebagai salah satu peneraju utama ekonomi Asia.

Pembaharuan Malaysia yang sedang berlaku ini adalah seiring dengan perubahan teknologi yang drastik. Justeru, perniagaan perlu menerima pakai dan membangunkan teknologi yang relevan untuk maju ke tahap yang lebih tinggi. Secara khususnya, perniagaan perlu mengadaptasi teknologi digital supaya dapat bersaing dengan lebih berkesan di dalam dan luar negara. Persaingan ini bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti negara bahkan pendapatan dan kebajikan pekerja Malaysia.

Selaras dengan matlamat agenda Kemakmuran Bersama untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, Kerajaan akan menggandakan usaha bagi menarik pelaburan dalam sektor pembuatan yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Ini seterusnya akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan menawarkan gaji yang lebih baik kepada rakyat Malaysia. Di samping itu, usaha ini dapat melengkapkan rantai nilai domestik antara lima industri yang dikenal pasti dalam dasar Industry4WRD. Industri tersebut terdiri daripada elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan, bahan kimia dan produk kimia, aeroangkasa serta peranti perubatan.

Sementara itu, pelancongan, perkhidmatan profesional dan penjagaan kesihatan swasta serta perdagangan runcit dan makanan & minuman adalah antara bidang yang telah dikenal pasti untuk terus dibangunkan di bawah sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan juga akan meraih manfaat besar daripada ketibaan pelancong yang lebih tinggi sempena *Visit Malaysia 2020*.

Inisiatif utama yang digariskan ini hanya merupakan sebahagian daripada langkah yang diambil untuk memacu Malaysia ke arah mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Namun demikian, usaha ini akan gagal sekiranya kita tidak bersatu padu. Maka, perlu kita sedari bahawa setiap daripada kita tanpa mengambil kira latar belakang mempunyai peranan masing-masing di bawah satu bumbung. Hanya setelah kita berkongsi matlamat yang sama, barulah kita dapat merealisasikan impian kita.

Terima kasih.



DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

11 Oktober 2019